

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING
(SERDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31.03.2015

Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang Pembinaan PFI Sdn. Bhd. terkini dan menjelaskan sebab laporan akaun tahunan untuk 2013 masih belum diberikan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Pembinaan PFI Sdn Bhd (PPFI) adalah sebuah syarikat berbentuk *Special Purpose Vehicle* (SPV) milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan pada 28 September 2006. Tujuan penubuhan syarikat ini ialah untuk memperoleh

dana bagi membiayai projek-projek pembangunan dan program-program yang dikenalpasti oleh Kerajaan.

2. Penyata Kewangan Beraudit PPFi bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013 telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 4 Mac 2015 dan jumlah hutang adalah sebanyak RM26,609.6 juta.